

15/11/1997

Rakyat diminta usah terpengaruh

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Rakyat tidak harus terpengaruh dengan kejahilan pihak asing yang mendakwa kejatuhan nilai ringgit disebabkan ketidakcekapan kerajaan mentadbir negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan golongan itu hanya pandai menganalisis ekonomi tetapi mereka sebenarnya tidak pernah mengurus apa-apa.

"Dan sudah tentu mereka tidak pernah mentadbir mana-mana negara dengan jayanya. Kita tidak harus dipengaruhi dengan pandangan mereka.

"Golongan yang mendakwa bahawa masalah kejatuhan nilai mata wang disebabkan kita tidak cekap mentadbir negara, amatlah jahil," katanya sambil menambah, peranan utama persatuan pengguna ketika negara menghadapi kejatuhan nilai ringgit ialah menjelaskan perkara sebenar berkaitan isu itu kepada orang ramai.

Berucap merasmikan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Kebangsaan di Pusat Islam hari ini, Perdana Menteri berkata, jika pihak asing menyebabkan kejatuhan nilai mata wang negara, persatuan pengguna hendaklah mengecam mereka kerana usaha kerajaan selama 40 tahun untuk memakmurkan rakyat digagalkan oleh golongan itu dalam tempoh hanya beberapa minggu.

Menurutnya, seluruh rakyat melihat bagaimana tindakan spekulator asing merugikan negara, terutama kejatuhan nilai ringgit yang menyebabkan kos import meningkat.

Jika eksport tidak meningkat, pendapatan negara dalam bentuk mata wang asing menurun. Ini bukan sahaja menyebabkan defisit dagangan negara bertambah, malah kos sara hidup iaitu inflasi, akan meningkat.

Bagi mengatasi masalah kejatuhan nilai ringgit, Dr Mahathir meminta pengguna mengurangkan penggunaan barangan import, bukan sahaja barangan konsumer malah barangan modal.

Malah, katanya, jika pekerja menuntut kenaikan gaji kerana harga barangan tertentu yang diimport naik, kos barangan keluaran negara untuk eksport juga akan naik.

"Keadaan ini akan menyebabkan negara tidak menjadi kompetitif dan mampu bersaing dengan produk negara jiran yang juga mengalami kejatuhan nilai mata wangnya.

"Kenaikan upah tetap akan menaikkan lagi kadar inflasi dan ini akan menyebabkan kenaikan upah tidak menambah daya beli kita. Lebih daripada waktu biasa, kejatuhan nilai mata wang perlu diatasi dengan kenaikan produktiviti yang lebih," katanya.

Perdana Menteri turut menasihatkan pengguna supaya menuntut dan menggunakan hak mereka secara munasabah.

"Sikap keterlaluan dalam menuntut hak pengguna terutama melalui ganti rugi yang amat tinggi hanya akan membebankan masyarakat. Hak pengguna bukan untuk menggunakan segala kecelakaan untuk mendapat ganti rugi yang tinggi.

"Hak pengguna ialah menuntut keadilan berpatutan dan mengurangkan kemungkinan sesuatu yang boleh mendatangkan kecelakaan diulangi," katanya.

(END)